## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 30 JULAI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | SYOR KARAMKAN BOT NELAYAN ASING DITELITI, NASIONAL, BH -4<br>TELITI CONTOH NEGARA JIRAN MUSNAH KAPAL NELAYAN ASING, SETEMPAT, HM - 26 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br><br>9.<br>10.<br><br>11.<br><br>12. | PENYU AGAR DITEMUI MATI DILANGKAWI, NEGARA, KOSMO -12<br>NELAYAN TANGKAP IKAN 'TARIK TEPI' DIBERKAS, NEGARA, KOSMO -12<br>PADAH UPAH TEKONG WARGA ASING, SETEMPAT, HM -36<br>NELAYAN TIGA NEGERI AKTIF GUNA BUBU NAGA, NASIONAL, BH -72<br>NELAYAN 3 NEGERI GUNA PERALATAN HARAM, NEWS, HM (UTARA) -38<br>PINDAAN AKTA PERIKANAN 1985 DILULUS DEWAN NEGARA, SEMASA,<br>NEW SABAH TIMES BAHASA (KK) -2<br>PINDAAN AKTA PERIKANAN 1985 DILULUS, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -2<br>'OPS NAGA' IN CASE OF FOREIGN INTRUSION: MUHYIDDIN, NEWS,<br>NEW SARAWAK TRIBUNE -10<br>'OPS NAGA' IN CASE OF FOREIGN INTRUSION: MUHYIDDIN, HOME,<br>NEW SARAWAK TRUBUNE -15<br>FISHERMEN STILL USING BUBU NAGA, 314 CASES REPORTED, NATIONAL,<br>NANYANG SIANG PAU -A2 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 13.<br>14.<br>15.<br>16.<br><br>17.<br><br>18.<br><br>19.<br><br>20.<br><br>21.<br><br>22.<br>23.<br><br>24.<br><br>25.<br><br>26. | HENTI IMPORT CILI MERAH VIETNAM, SETEMPAT, HM -27<br>HENTI IMPORT CILI MERAH VIETNAM, NEGARA, KOSMO -14<br>TIADA LAGI CILI DARI VIETNAM, DALAM NEGERI, UM -59<br>TIADA LAGI IMPORT CILI MERAH DARI VIETNAM DIBENARKAN TAHUN INI: MOA,<br>SEMASA, NEW SABAH TIMES BAHASA (KK) -6<br>TIADA LAGI IMPORT CILI MERAH DARI VIETNAM DIBERNARKAN TAHUN INI-MOA,<br>NEWS, HEAD TOPIC -7<br>NO IMPORT OF CHILLIES FROM VIETNAM DUE TO EXCESSIVE PESTICIDE,<br>SEE HUA SUPPLEMENT, SEE HUA DAILY NEWS (KUCHING) -2<br>NO MORE IMPORT OF RED CHILLIES FROM VIETNAM ALLOWED THIS YEAR, HOME,<br>NEW SABAH TIMES ENGLISH (KK) -6<br>NO MORE IMPORT OF RED CHILLIES FROM VIETNAM TILL YEAR END, NATION,<br>DAILY EKSPRESS (KK) -5<br>NO MORE RED CHILLIES FROM VIETNAM THIS YEAR, HOME,<br>NEW SARAWAK TRIBUNE -9<br>SIM: GOVT FREEZE IMPORTS OF VIETNAM CHILLI, NATION, SIN CHEW DAILY -13<br>SIM TZE TZIN SAYS NO APPROVAL ON CHILLIES IMPORTED FROM VIETNAM DUE<br>TO EXCESSIVE PESTICIDE, NATION, CHINA PRESS -A10<br>SIM: GOVT WILL NOT IMPORT CHILLI FROM VIETNAM, NATION,<br>KWONG WAH YIT POH -A7<br>GOVT HALTS IMPORT OF VIETNAMESE RED CHILLI, NEWS,<br>ORIENTAL DAILY NEWS -A11<br>MALAYSIA DIDN'T IMPORT CHILLI FROM VIETNAM, NATIONAL,<br>NANYANG SIANG PAU -A2 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 27. | MEMAKMURKAN BUMI ALLAH, NEWS, MYMETRO -5 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 28.<br><br>29. | HILLSLOPE GUIDELINE FOR DURIAN PLANTATIONS, NATIONAL,<br>NANYANG SIANG PAU -A3<br>GUIDELINES NEED TO BE FOLLOWED FOR DURIAN PLANTING ON SLOPE, NATION,<br>SIN CHEW DAILY -3 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 30/7/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 4 |



*Abang Johari menerima kunjungan hormat Muhyiddin di Pejabat Ketua Menteri, Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya, semalam.*
[Foto Hazreen Mohamad/BH]

# Syor karamkan bot nelayan asing diteliti

**Kuching:** Malaysia sedang meneliti untuk mencontohi dasar kerajaan Indonesia dengan memusnahkan atau menenggelamkan kapal nelayan asing yang ditahan menceroboh perairan negara.

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata terdapat cadangan supaya perkara itu dilaksanakan, namun perlu mendapat nasihat daripada Peguam Negara.

"Sekarang tindakan diambil ialah kita merampas bot dan simpan, masalahnya kita berdepan dengan kekurangan (tempat) menyimpan bot," katanya ketika mengadakan kunjungan hormat terhadap Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg, di Wisma Bapa Malaysia di sini, semalam.

Muhyiddin berkata, Kerajaan Persekutuan bersedia menggerakkan Ops Naga di perairan Sarawak, jika ada keperluan mengekang pencerobohan nelayan asing.

Katanya, operasi itu membabitkan agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pertahanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Kementerian Luar.

Beliau berkata, pembentukan pasukan Ops Naga itu membuktikan keberkesanan menangani pencerobohan bot nelayan asing terutama dari Vietnam di perairan Semenanjung yang menyaksikan banyak bot dirampas.

"Jika terbukti ada pencerobohan bot nelayan asing di perairan Sarawak, kita akan memperluaskan operasi ini," katanya.

Mengenai pertambahan aset untuk menjaga perairan Sarawak, Muhyiddin berkata, ia dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/7/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 26 |

# Teliti contoh negara jiran musnah kapal nelayan asing

**Kuching:** Malaysia meneliti untuk mencontohi dasar kerajaan Indonesia dengan memusnahkan atau menenggelamkan kapal nelayan asing yang ditahan menceroboh perairan negara.

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, terdapat juga cadangan perkara itu dilaksanakan, namun perlu mendapat nasihat daripada peguam negara.

"Sekarang tindakan yang diambil ialah kita merampas bot dan simpan. Masalahnya kita berdepan dengan kekurangan menyimpan bot," katanya ketika mengadakan kunjungan hormat terhadap Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg di Wisma Bapa Malaysia di sini, semalam.

Muhyiddin berkata, kerajaan Persekutuan bersedia menggerakkan Ops Naga di perairan Sarawak jika terdapat keperluan mengekang pencerobohan nelayan asing.

Katanya, operasi itu membabitkan agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pertahanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Kementerian Luar Negeri.

Beliau berkata, pembentukan pasukan Ops Naga itu membuktikan keberkesanan menangani pencerobohan bot nelayan asing terutama dari Vietnam di perairan Semenanjung Malaysia yang menyaksikan banyak bot dirampas.

> **"Sekarang tindakan yang diambil ialah kita merampas bot dan simpan. Masalahnya kita berdepan dengan kekurangan menyimpan bot"**
>
> ***Muhyiddin Yassin***

"Jika terbukti ada (pencerobohan bot nelayan asing di perairan Sarawak, kita akan memperluaskan operasi ini," katanya.

Mengenai pertambahan aset untuk menjaga perairan Sarawak, Muhyiddin berkata, ia dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

"Memang ada keperluan (untuk meningkatkan aset) dan ini tidak dapat dielakkan.

"Kalau ada peruntukan disediakan, sudah pasti kita membeli bot baharu, helikopter dan sebagainya tetapi ini dalam jangka masa panjang. Buat sementara, kita gunakan apa yang ada dulu," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/7/2019 | KOSMO | NEGARA | 12 |

# Penyu agar ditemui mati di Langkawi



BANGKAI seekor penyu seberat lebih 80 kilogram ditemui berhampiran Pantai Pasir Tengkorak, Langkawi semalam.

**LANGKAWI** – Seekor penyu agar ditemui mati dalam keadaan terapung di kawasan perairan berhampiran Pantai Pasir Tengkorak di sini semalam.

Bangkai penyu dianggarkan lebih 80 kilogram itu ditemui kira-kira pukul 11 pagi oleh tiga kakitangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau, Perlis bersama dua anggota komuniti Sungai Kubang Badak Mangrove Langkawi Geopark yang sedang melakukan tugasan memeriksa peranti agregasi ikan di lokasi berkenaan.

Tiada sebarang kecederaan ditemui pada bangkai penyu tersebut yang kemudian ditanam di sebuah lokasi di Pulau Jemuruk.

Sementara itu, Ketua Daerah Pejabat Perikanan Daerah Langkawi, Azahar Ahmad berkata, pihaknya belum menerima laporan mengenai penemuan bangkai penyu tersebut.

"Komuniti nelayan memang mengetahui sebarang penemuan hidupan marin yang terancam sama ada hidup atau telah mati perlu dilaporkan kepada pihak kami sebagai rekod. Jika mendapat laporan, kakitangan akan pergi untuk menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca kematian dan sebagainya," katanya ketika dihubungi.

Azahar berkata, perairan Langkawi memang menjadi kawasan tumpuan penyu kerana memiliki banyak makanan seperti rumpai laut, namun tiada sebarang lokasi direkodkan sebagai kawasan pendaratan penyu. – Bernama

# Ular sawa 0.5 meter dalam klinik gigi

**KLANG** – Orang ramai yang datang untuk mendapatkan rawatan di sebuah klinik gigi kerajaan di Jalan Tengku Kelana di sini dikejutkan dengan kehadiran ular sawa sepanjang kira-kira 0.5 meter di dalam premis itu semalam.

Kehadiran reptilia itu disedari oleh kakitangan klinik berkenaan kira-kira pukul 7.40 pagi sebelum memaklumkan kejadian tersebut kepada pihak bomba.

Difahamkan ketika kejadian, terdapat beberapa orang pesakit yang sedang menunggu giliran untuk mendapatkan rawatan di klinik tersebut selepas ia ditutup selama dua hari.

Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Zon Klang, Samsol Maarif Saibani berkata, sejurus menerima panggilan kira-kira pukul 7.43 pagi, sepasukan enam anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Kota Raja bergegas ke lokasi kejadian.

"Setibanya di lokasi, kami dapati terdapat seekor ular sawa sepanjang satu kaki setengah (0.5) meter berdekatan pintu belakang premis kerajaan itu.

"Anggota bomba kemudiannya menggunakan peralatan khas untuk menangkap ular tersebut. Reptilia itu berjaya ditangkap dalam tempoh kira-kira 15 minit," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Samsol Maarif berkata, haiwan berkenaan kemudiannya dilepaskan di kawasan yang selamat.



ANGGOTA bomba menangkap ular sawa sepanjang 0.5 meter di sebuah klinik pergigian swasta di Jalan Tengku Kelana, Klang semalam.

# Nelayan tangkap ikan 'tarik tepi' diberkas

**KLANG** – Tindakan sebuah bot nelayan melakukan kegiatan 'tarik tepi' menangkap ikan membawa padah selepas ditahan pada jarak lebih kurang 3.9 batu nautika dari Sungai Terap di sini kelmarin.

Dalam kejadian pada pukul 9.30 malam itu, empat nelayan warga tempatan yang dicekup berusia antara 45 hingga 61 tahun.

Pengarah Maritim Malaysia (APMM) Selangor, Kapten Maritim Mohammad Rosli Kassim berkata, bot nelayan kelas B itu didapati menunda pukat di kawasan tidak dibenarkan iaitu di bawah 5 batu nautika dari pesisir pantai.

Katanya, aktiviti tersebut juga dikenali sebagai tarik tepi dalam kalangan nelayan.

"Hasil pemeriksaan, kami menemui 20 kilogram pelbagai jenis ikan di dalam bot tersebut.

"Kesemua suspek dan bot tersebut dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin untuk siasatan lanjut di bawah Akta Perikanan 1985," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau memberitahu, pihaknya banyak menerima aduan khususnya daripada nelayan tradisional berkenaan kegiatan itu.

Ujarnya, sikap tamak segelintir pengusaha bot nelayan itu dikhuatiri boleh menjejaskan keseimbangan ekosistem serta mata pencarian nelayan tradisional yang bergantung hidup hanya di kawasan perairan bawah 5 batu nautika.

"Justeru, kami tidak akan berkompromi terhadap mana-mana aktiviti perikanan yang tertakluk di bawah perlanggaran syarat sah lesen dibenarkan pihak berkuasa," katanya.



EMPAT nelayan warga tempatan ditahan ketika melakukan kegiatan menangkap ikan pada jarak 3.9 batu nautika dari Sungai Terap, Klang kelmarin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 30/7/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 36 |

# Padah upah tekong warga asing

**Mersing:** Mahu kerja mudah dengan mengupah warga asing sebagai nakhoda menangkap ikan di laut.

Itu antara kesalahan serius dilakukan pemilik bot nelayan tempatan yang dikesan menggunakan khidmat lelaki warga Thailand untuk mengendalikan bot mereka.

Terbaru Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Zon Maritim Mersing menahan lima individu termasuk seorang lelaki warga Thailand dalam serbuan di perairan Endau berdekatan Tanjung Kempit di sini, petang kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Mersing, Komander Maritim Haris Fadzillah Abdullah berkata, dalam kejadian kira-kira jam 6 petang itu, sebuah bot nelayan tempatan bersama seorang nakhoda warga Thailand dan empat kru warga tempatan berusia 27 hingga 44 tahun ditahan.

Katanya, dalam Operasi Jaksa membabitkan bot Kilat 14 APMM itu, sebuah bot nelayan dikesan di kedudukan kira-kira 6.3 batu nautika utara Tanjung Kempit.

"Hasil pemeriksaan mendapati, bot itu melakukan kesalahan melanggar syarat sah lesen iaitu tidak diusahakan sendiri oleh empunya bot dan menggaji pekerja asing tanpa surat kebenaran.

"Bot dan semua kru ditahan dan dibawa ke Jeti Maritim Malaysia Pos Tanjung Gemok bagi membantu siasatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 atas kesalahan melanggar syarat lesen," katanya semalam.

Haris Fadzillah berkata, Maritim Malaysia mengingatkan orang ramai supaya melaporkan sebarang kegiatan di laut yang menyalahi undang-undang negara di pejabat Maritim Malaysia berhampiran.

"Kerjasama semua pihak termasuk persatuan nelayan, komuniti nelayan serta semua pengusaha bot nelayan amat penting bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan perairan negara Malaysia.

"Maritim Malaysia mengalukan-alukan sebarang maklumat pencerobohan dengan cepat dan tepat supaya tindakan segera dan lebih berkesan dapat diambil.



**BOT** nelayan tempatan bersama lima individu ditahan Maritim Malaysia selepas dipercayai melanggar syarat sah lesen dalam serbuan di utara Tanjung Kempit, Mersing.

"Sebarang aduan jenayah maritim dan kecemasan di laut boleh hubungi MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Negeri Johor di talian 07-2199404 khususnya bagi kejadian yang berlaku di perairan Johor," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 30/7/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 72 |

# Nelayan tiga negeri aktif guna bubu naga

## Perak, Johor, Selangor catat kes rampasan tertinggi sejak awal tahun

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
cnews@nstp.com.my

**Sitiawan:** Nelayan di tiga negeri iaitu Perak, Johor dan Selangor dikesan paling aktif melakukan aktiviti menangkap ikan, menggunakan peralatan seperti bubu naga dan pukat rawa sorong yang diharamkan.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawi, berkata Jabatan Perikanan melalui Bahagian Cawangan Perlindungan Sumber (CPS), giat menjalankan operasi bagi mengekang aktiviti berkenaan, kerana ia boleh mengancam sumber perikanan negara.

"Hasil operasi yang dijalankan, sebanyak 468 kes bubu naga dicatatkan tahun lalu, manakala dari 1 Januari lalu sehingga kini, 341 kes membabitkan rampasan 3,714 bubu naga dicatatkan di seluruh negara.

"Di Perak, sebanyak 190 kes membabitkan 2,380 bubu naga dirampas dan dilupuskan sejak awal tahun ini sehingga semalam, berbanding 2,000 bubu naga dirampas tahun lalu.

"Untuk tempoh sama tahun ini juga, 11 bot pukat rawa sorong berjaya ditahan dan dilupuskan," katanya selepas Majlis Pelancaran Buku Kajian Semula Pelan Strategik Jabatan Perikanan Malaysia 2019-2020 di Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Kampung Acheh di sini, semalam.

Majlis berkenaan dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan.

Munir berkata, pihaknya turut mendapati aktiviti menggunakan peralatan itu banyak dilakukan oleh nelayan tempatan yang tidak berlesen, selain turut mengesan segelintir nelayan asing.

"Isu ini juga termasuk dalam buku kajian semula pelan strategik ini, dari aspek penguatkuasaan untuk kita mengukuhkan aktiviti dari segi pengawalan, pemantauan dan pengawasan membabitkan penggunaan peralatan, sekali gus menguatkuasakan peraturan, undang-undang serta Akta Perikanan," katanya.

Dalam pada itu, katanya, kajian semula pelan strategik berkenaan adalah selaras dengan Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019-2020 yang dilancarkan pada 14 Februari lalu.

Beliau berkata, ia memberi penekanan kepada tujuh perkara penting dalam melaksanakan fungsi pembangunan subsektor perikanan negara dan mengurus sumber perikanan secara mapan.

"Ia meliputi sektor perikanan tangkapan, taman laut dan pengurusan sumber, pembangunan akuakultur, perlindungan sumber serta penguatkuasaan perikanan, yang terangkum dalam elemen memperkasa pemantauan, kawalan dan pengawasan (MCS) serta memperkasa penyelidikan, pengembangan dan modal insan.

"Selepas ini, pengarah perikanan di setiap negeri akan memperhalusi pelan strategik dalam melaksanakan program secara berfokus dan bersasar, dengan memastikan program serta projek secara *quickwin* dapat dilaksanakan bagi manfaat kumpulan sasar seperti penternak ikan dan nelayan," katanya.



***Mohd Sallehhuddin (kanan) meneliti Buku Kajian Semula Pelan Strategik Jabatan Perikanan Malaysia 2019-2020** sambil diperhatikan Munir (tengah) pada majlis pelancaran di Sitiawan, semalam.* (Foto Noor Hidayah Tanzizi/BH)

> *Sebanyak 468 kes bubu naga dicatat tahun lalu, manakala dari 1 Januari lalu sehingga kini, 341 kes babit rampasan 3,714 bubu naga dicatatkan di seluruh negara.*
>
> ***Munir Mohd Nawi,*** *Ketua Pengarah Perikanan*

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Nelayan 3 negeri guna peralatan haram | | |
| MediaTitle | Harian Metro (Utara) | | |
| Date | 30 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4,701 |
| Page No | 38 | Readership | 14,103 |
| Language | Malay | ArticleSize | 326 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,570 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 28,710 |





*MOHD Sallehhuddin (tiga dari kiri) dan Munir (empat dari kiri) bersama kakitangan perikanan pada Majlis Pelancaran Buku Kajian Semula Pelan Startegik Jabatan Perikanan Malaysia di Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Kampung Acheh, semalam.*

# Nelayan 3 negeri guna peralatan haram

**Sitiawan:** Nelayan di tiga negeri iaitu Perak, Johor dan Selangor dikesan paling aktif menangkap ikan menggunakan peralatan seperti bubu naga dan pukat rawa sorong yang diharamkan.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawi berkata, Jabatan Perikanan melalui Bahagian Cawangan Perlindungan Sumber (CPS) giat menjalankan operasi bagi mengekang aktiviti itu kerana boleh mengancam sumber perikanan negara.

"Hasil operasi, 468 kes bubu naga dicatatkan tahun lalu manakala dari 1 Januari lalu hingga kini 341 kes membabitkan rampasan 3,714 bubu naga dicatatkan di seluruh negara.

"Di Perak, 190 kes membabitkan 2,380 bubu naga dirampas dan dilupuskan sejak awal tahun ini hingga semalam (kelmarin) berbanding 2,000 bubu naga dirampas tahun lalu.

"Untuk tempoh sama tahun ini, 11 bot pukat rawa sorong ditahan dan dilupuskan," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Buku Kajian Semula Pelan Strategik Jabatan Perikanan Malaysia 2019-2020 di Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Kampung Acheh, semalam.

Majlis itu dirasmikan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan.

Munir berkata, pihaknya mendapati aktiviti yang menggunakan peralatan itu banyak dilakukan nelayan tempatan yang tidak berlesen selain mengesan segelintir nelayan asing.

"Isu ini termasuk dalam buku kajian semula pelan strategik ini dari aspek penguatkuasaan untuk mengukuhkan aktiviti pengawalan, pemantauan dan pengawasan membabitkan penggunaan peralatan sekali gus menguatkuasakan peraturan, undang-undang serta Akta Perikanan," katanya.

Kajian semula pelan strategik itu selaras dengan Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019-2020 yang dilancarkan pada 14 Februari lalu.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pindaan Akta Perikanan 1985 dilulus Dewan Negara | | |
| MediaTitle | New Sabah Times Bahasa (KK) | | |
| Date | 30 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | Semasa | Circulation | 11,025 |
| Page No | 2 | Readership | 33,075 |
| Language | Malay | ArticleSize | 146 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 323 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 970 |



# Pindaan Akta Perikanan 1985 dilulus Dewan Negara

KUALA LUMPUR: Rang Undang-Undang (RUU) Perikanan (Pindaan) 2019 yang antara lain bertujuan menaikkan penalti am bagi kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985, diluluskan Dewan Negara kelmarin.

Melalui RUU itu, denda maksimum bagi pemunya atau nakhoda vesel asing yang menceroboh perairan Malaysia dicadang dinaikkan daripada RM1 juta kepada RM6 juta, selain penalti bagi tiap-tiap anggota kru juga dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM600,000.

Ia diluluskan pada sesi yang dipengerusikan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri S. A. Vigneswaran selepas 19 senator mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata pindaan bagi menaikkan denda itu sesuai berikutan kadar denda semasa mengikut Akta Perikanan adalah sangat rendah berbanding negara serantau yang lain.

"Pindaan itu sesuai dengan instrument antarabangsa...apa yang penting kita telah beri satu isyarat jelas iaitu bersedia untuk menguatkuasakan denda itu," katanya ketika ucapan penggulungan RUU berkenaan.

Selain itu, Salahuddin berkata bagi membanteras masalah bot klon, kerajaan melalui Jabatan Perikanan sedang meningkatkan ciri pengenalan dan keselamatan vesel tempatan dengan menggunakan QR Barcode, Pengenalan frekuensi radio (RFID) selain sistem pelesenan ketat menggunakan pengesanan melalui satelit iaitu unit pengesanan bergerak serta syarat lesen lain.

Turut diluluskan hari ini ialah RUU Penyemakan Undang-Undang (Pindaan) 2019 bertujuan memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 untuk membuat apa-apa perubahan dalam mana-mana undang-undang bertulis.

Rang undang-undang yang dibentang Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Mohamed Hanipa Maidin itu dicadang susulan penyusunan semula agensi dan fungsi kementerian serta pertukaran nama kementerian sebelum ini.

"Terdapat keperluan untuk menangani sebutan dalam undang-undang sedia ada mengenai nama jawatan menteri yang telah bertukar dan fungsi atau tanggungjawab yang telah dipindahkan kepada menteri yang lain," katanya. - Bernama

Powered by: isentia

| Headline | Pindaan Akta Perikanan 1985 dilulus | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | | |
| Date | 30 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | Tempatan | Circulation | 25,055 |
| Page No | 2 | Readership | 75,165 |
| Language | Malay | ArticleSize | 171 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 363 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,090 |






# Pindaan Akta Perikanan 1985 dilulus

KUALA LUMPUR: Rang Undang-Undang (RUU) Perikanan (Pindaan) 2019 yang antara lain bertujuan menaikkan penalti am bagi kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985, diluluskan pada Isnin.

Melalui RUU itu, denda maksimum bagi pemunya atau nakhoda vesel asing yang menceroboh perairan Malaysia dicadang dinaikkan daripada RM1 juta kepada RM6 juta, selain penalti bagi tiap-tiap anggota kru juga dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM600,000.

Ia diluluskan pada sesi yang dipengerusikan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri S. A. Vigneswaran selepas 19 senator mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata pindaan bagi menaikkan denda itu sesuai berikutan kadar denda semasa mengikut Akta Perikanan adalah sangat rendah berbanding negara serantau yang lain.

"Pindaan itu sesuai dengan instrument antarabangsa...apa yang penting kita telah beri satu isyarat jelas iaitu bersedia untuk menguatkuasakan denda itu," katanya ketika ucapan penggulungan RUU berkenaan.

Selain itu, Salahuddin berkata bagi membanteras masalah bot klon, kerajaan melalui Jabatan Perikanan sedang meningkatkan ciri pengenalan dan keselamatan vesel tempatan dengan menggunakan QR Barcode, Pengenalan frekuensi radio (RFID) selain sistem pelesenan ketat menggunakan pengesanan melalui satelit iaitu unit pengesanan bergerak serta syarat lesen lain.

Turut diluluskan hari ini ialah RUU Penyemakan Undang-Undang (Pindaan) 2019 bertujuan memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 untuk membuat apa-apa perubahan dalam mana-mana undang-undang bertulis.

Rang undang-undang yang dibentang Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Mohamed Hanipa Maidin itu dicadang susulan penyusunan semula agensi dan fungsi kementerian serta pertukaran nama kementerian sebelum ini.

"Terdapat keperluan untuk menangani sebutan, dalam undang-undang sedia ada mengenai nama jawatan menteri yang telah bertukar dan fungsi atau tanggungjawab yang telah dipindahkan kepada menteri yang lain," katanya. - Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 'Ops Naga' in case of foreign intrusion: Muhyiddin | | |
| MediaTitle | New Sarawak Tribune (www.newsarawaktribune.com.my) | | |
| Date | 30 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# 'Ops Naga' in case of foreign intrusion: Muhyiddin

KUCHING: The Home Ministry would extend its 'Ops Naga' in the waters of Sarawak should there be any intrusion by foreign fishing vessels.
Home Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said the operation would normally involve agencies under the Ministry of Home...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | \`Ops Naga\` in case of foreign intrusion: Muhyiddin | | |
| MediaTitle | New Sarawak Tribune | | |
| Date | 30 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 46,471 |
| Page No | 15 | Readership | 164,773 |
| Language | English | ArticleSize | 160 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,122 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 3,365 |



# 'Ops Naga' in case of foreign intrusion: Muhyiddin

**KUCHING:** The Home Ministry would extend its 'Ops Naga' to the waters of Sarawak should there be any intrusion by foreign fishing vessels.

Home Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said the operation would normally involve agencies under the Ministry of Home Affairs, Ministry of Defense, Ministry of Foreign Affairs, Malaysian Maritime Enforcement Agency (APMM), Department of Fisheries, and police marine force.

"The 'Ops Naga' team has been effective in the waters of Peninsular Malaysia," he told reporters after visiting Chief Minister Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg at his office in Wisma Bapa Malaysia yesterday.

"The operations in Semenanjung were mainly against Vietnamese fishermen. We are monitoring the situation here, and if they are found in Sarawak waters, the operation would be expanded here," he said.

When asked if the federal government would consider imitating Indonesia's policy of destroying seized fishing vessels, Muhyiddin said he would leave the matter to the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry and the Fisheries Department to decide.

He said that sort of action needs the approval of the attorney general and other parties before it can be implemented.

"What we are doing is we confiscate the vessels and keep them. But the problem now is we don't have enough places to keep them," he said.

In the meantime, his ministry has not yet planned to increase the number of its helicopters and ships.

"We cannot afford them. From time to time they are needed for our operation. If there is extra money we will consider buying new helicopters and ships for our long-term plan," he said.

Meanwhile, the ministry uses whatever are already available.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Fishermen still using bubu naga, 314 cases reported | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 30 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
